

# KE MANA HALA TUJU DONALD TRUMP?

Pada 20 Januari 2017, sejarah bermula apabila Donald Trump mengangkat sumpah sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS) ke-45. Dunia memasuki era baharu yang dikenali sebagai era Trump – era global yang tidak menentu hasil daripada apa-apa yang disebut sebagai fenomena.

ZIN MAHMUD

Ramalan dunia menyambut presiden wanita pertama AS, seperti yang diharapkan oleh banyak pihak sejak tahun 2008, tidak berlaku. Cita-cita golongan progresif supaya pilihan raya presiden negara itu menghasilkan pencapaian tertinggi wanita dunia hancur berkecai kerana kemenangan Trump.

Pilihan raya Presiden AS tahun 2008 berlangsung ketika Hillary Clinton menyertai persaingan untuk calon presiden bagi Parti Demokratik. Beliau berkelayakan dan dipercayai lebih cerdas berbanding dengan suaminya, Bill Clinton, yang merupakan Presiden AS yang ke-42. Malangnya, pada ketika itu, Parti Demokratik memilih Barack Obama untuk menjadi calon mereka yang ternyata berjaya mencipta sejarah sebagai presiden kulit hitam pertama negara itu.

Parti Demokratik yang berfahaman liberal dianggap sebagai wadah politik bagi golongan progresif. Yang

dimaksudkan dengan progresif ialah kepercayaan bahawa dunia akan bertambah maju dengan perjuangan untuk perubahan sosial, politik dan ekonomi yang antara lain memberikan kesaksamaan kepada wanita, menolok perkauman dan membela golongan terpinggir.

Clinton menjadi setiausaha negara pada penggal pertama Obama menjadi Presiden AS. Pengalaman tersebut menambah persediaan untuknya dipilih bagi jawatan tertinggi negara itu dalam pilihan raya yang diadakan pada 9 November 2016. Hal itulah yang diharapkan dan dijangkakan. Pada saat-saat akhir, kebanyakan pihak masih menjangkakan bahawa Clinton akan menang kerana Trump jelas tidak sesuai untuk dijadikan presiden.

Namun begitu, dunia dikejutkan dengan banyaknya undi yang diperoleh oleh Trump sehingga membolehkan beliau memenangi pilihan raya tersebut. Clinton

memperoleh undi majoriti, iaitu 47.7 peratus berbanding dengan Trump yang meraih 47.5 peratus. Begitu pun Trump menang 270 buah kawasan pilihan raya yang disebut Badan Perwakilan Pemilih (Electoral College) berbanding dengan Clinton yang hanya mampu mendapat 228 buah kawasan. Hal inilah yang membawa kemenangan kepada Trump.

Pukul 11.00 pagi, pada 9 November lalu (waktu Malaysia), jangkakan masih menjurus kepada kemenangan Clinton. Begitu pun sejam kemudian sudah ada berita bahawa Trump mendahului Clinton dan selepas beberapa minit berlalu, dunia diberitahu bahawa Trump memenangi Pilihan Raya Presiden AS. Clinton mengeluarkan kenyataan bahawa beliau menerima kekalahan tersebut dan Obama turut mengucapkan tahniah dengan menyeru supaya rakyat AS bersatu tanpa mengira sama ada mereka penyokong Republikan, Demokratik ataupun bebas.

Penulis sejak awal-awal lagi turut menjangkakan bahawa Clinton akan menang. Cuma beberapa hari sebelum pengundian, penulis mendapat maklumat bahawa Michael Moore membuat ramalan bahawa Trump akan memenangi pilihan tersebut. Moore ialah liberal dan penyokong Parti Demokratik. Beliau aktif membuat filem dokumentari mengkritik Presiden George W. Bush dan perang terhadap Iraq. Apabila Moore berkata demikian, maka kemungkinan untuk Trump menang ada logiknya.

Terpadat juga anak muda yang sebelum ini menyatakan bahawa penyokong Clinton mengambil keputusan beralih arah untuk menyokong Trump. Mereka melakukan demikian walaupun tidak bersetuju dengan dasar dan sikap Trump. Cumanya mereka mahu akan pembaharuan dalam pentadbiran AS, berbeza daripada apa-apa yang berlaku di bawah pemerintahan Obama dan akan diteruskan sekiranya Clinton menang.

Moore ialah segelintir tokoh yang meramalkan kemenangan Trump. Ramalannya itu terkandung dalam esei yang dikeluarkan pada Julai lalu. Begitu pun kemungkinan Trump menang juga disuarakan semasa keputusan referendum sama ada Britain patut kekal ataupun keluar daripada Kesatuan Eropah (EU) pada 23 Jun 2016, iaitu beberapa minggu sebelum Moore membuat ramalan itu.

Pengundi Britain memilih untuk keluar daripada EU, yang dikenali sebagai Brexit, sehingga menimbulkan kekecewaan banyak pihak di negara itu. Hal ini tidak dijangka dan antaranya termasuklah kempen yang bersifat antiorang asing. Pada ketika itu, Trump berkempen dengan isu yang lebih kurang sama. Maka timbul kenyataan bahawa sekiranya rakyat Britain boleh memilih Brexit, tidak mustahil bahawa Trump akan menang.

Faktor ekonomi turut memainkan peranan penting. Di seluruh dunia, berlaku jurang ekonomi yang besar dalam kalangan rakyat. Golongan kaya bertambah senang, tetapi kelas menengah dan rendah berasa terhimpit. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Britain dan AS, tetapi juga di negara

Eropah. Maka dalam keadaan ekonomi yang sedemikian, mereka hilang keyakinan terhadap pemerintah elit dan mudah menerima hujah bahawa masalah mereka disebabkan oleh kehadiran pendatang.

Di Eropah, pendatang termasuk pelarian dari Timur Tengah dan Afrika Utara. Bilangan terbesar adalah dalam kalangan pelarian Syria kerana negara tersebut berterusan dihipit perang saudara yang dahsyat. Kebanyakan mereka orang Islam. Mereka pula lari dari negara asal mereka kerana kumpulan Daesh menguasai banyak kawasan di Syria dan Iraq. Pegganas turut mentadbir secara keras dan kekejaman dilakukan atas nama agama Islam.

Letupan bom di Perancis dan Jerman hanya menambahkan ketakutan orang Eropah terhadap pendatang, pelarian dan orang Islam. Islamofobia mengiringi xenofobia, iaitu ketakutan terhadap orang asing yang mendorong mereka untuk memilih parti politik aliran kanan pelampau yang antipendatang dan bersikap fasis. Mereka ini digelar sebagai neofasis. Maka inilah yang dianggap sebagai trend politik global.

Pada mulanya, apa-apa yang disebut sebagai trend politik global hanya dilihat berlaku di Barat, seperti Amerika, Eropah dan Australia, yang mengalami ancaman kumpulan Daesh dan al-Qaeda ini. Akan tetapi, pada 9 Mei 2016, rakyat Filipina memilih Rodrigo Duterte, yang semasa kempenya disifatkan sebagai "Trump Filipina". Maka timbul perhatian bahawa trend politik global ini bukan sahaja berlaku di Barat, tetapi meluas sehingga menjangkau negara Asia.

Duterte disamakan dengan Trump kerana perwatakannya yang kasar, terus terang, dan tidak menghiraukan amalan biasa politik negaranya. Fokusnya ialah penyelesaian masalah walaupun kaedahnyanya menimbulkan pelbagai kecaman. Dasarnya tidaklah sama dengan Trump kerana Filipina tidak berhadapan dengan masalah imigran. Beliau turut mengakui dirinya sebagai sosialis. Dalam hal ini, beliau disamakan dengan Bernie Sanders yang bersaing dengan Clinton untuk mewakili Parti Demokratik sebagai calon presiden.

Walaupun Sanders kalah kepada Clinton, cabarannya kuat dan beliau mendapat sokongan daripada golongan bawahan. Trump tidak menghadapi cabaran yang besar daripada calon lain dalam Parti Republikan. Oleh itu, tindakan menyamakan Duterte dengan Trump perlu dilihat dari segi perwatakan, dan kaedah mereka meraih sokongan pengundi, tetapi bukan soal dasar atau ideologi.

Trend politik global ini menyaksikan fenomena rakyat mahu akan kepimpinan yang tegās dan berkesan dengan mampu melanggar amalan biasa - Duterte menang pada Mei 2016. Pada bulan berikutnya, rakyat Britain mengundi menyokong Brexit. Pada Julai 2016, Moore meramalkan kemenangan Trump. Soal sama ada hal ini merupakan

trend, fenomena, ataupun sebenarnya, hanya masa akan menjelaskannya.

Duterte mempunyai lebih banyak pengalaman politik berbanding dengan Trump. Trump ialah selebriti yang terkenal di seluruh dunia. Beliau bukan sahaja ahli korporat atau bilionair biasa, tetapi selebriti televisyen yang merupakan motivator dengan rancangan televisyennya, *The Apprentice*, yang terkenal di seluruh dunia. Ketegasan dan petua motivasinya menjadikan beliau mempunyai pengikut yang bukan sahaja di AS, tetapi di seluruh dunia. Sebelum bersaing untuk pencalonan presiden AS, sifat negatifnya – perangnya terhadap wanita, amalan perniagaannya yang boleh dipersoalkan, dan pendapatnya tentang golongan minoriti termasuk Islam – tidak timbul. Rancangan realiti televisyennya ditonton di seluruh dunia, begitu juga dengan buku motivasinya. Buku beliau turut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Sehari selepas pengumuman keputusan Pilihan Raya Presiden AS, penulis membaca buku beliau bertajuk *Think Big*. Buku tersebut merupakan panduan untuk berjaya dalam kehidupan dan perniagaan. Maka kejayaannya memenangi pilihan raya presiden mewajarkannya untuk memberikan panduan untuk berjaya. Di negara ini, sejak tahun 1980-an, banyak buku motivasi Trump turut berada dalam pasaran. Antara buku awal Trump termasuklah tentang cara untuk berjaya dalam bidang hartanah. Trump mempunyai pengikutnya sendiri, terutamanya mereka yang mempunyai aspirasi untuk berjaya dan berharta. Walaupun dasar politiknya membimbangkan golongan yang faham tentang urus tadbir negara, orang ramai lebih mudah menerima hujah beliau yang disampaikan dengan terus-terang tanpa petanda hipokrasi, tidak seperti ahli politik arus perdana.

Hal ini bertentangan dengan Clinton yang merupakan ahli politik arus perdana yang faham dan berpengalaman tentang pemerintahan negara. Beliau pernah tinggal di White House selaku wanita pertama dan menjadi aktivis Parti Demokratik yang berjaya dan mampu meneruskan serta mengembangkan legasi Obama. Dalam keadaan yang biasa, beliau boleh menang dan mampu menjadi simbol bagi kemajuan wanita dalam pencapaian kerjayanya.

Namun begitu, pada kali ini, dunia melalui tahap perjalanan sejarahnya dengan banyak penghinunya yang berasa kecewa dengan pemerintah yang ada kerana tidak dapat menyelesaikan masalah kehidupan harian mereka. Mereka kurang berminat untuk melihat wanita pertama menjadi presiden. Yang dikehendaki ialah pendekatan baharu dan berbeza.

Trump melalui pendapatnya yang mençerminkan emosi orang ramai. Jika banyak orang berasa bahawa kedudukan AS merosot dengan pihak asing sebagai puncanya, maka Trump berjaya mewakili perasaan mereka ini. Suara Trump dalam pelbagai isu juga mewakili perasaan mereka. Ahli politik biasa, sama ada dalam kalangan Parti Demokratik ataupun

Parti Republikan, tidak menyuarakan hal tersebut kerana dipercayai dapat memudaratkan negara dan orang ramai.

Dalam pemerintahan negara, pelbagai pertimbangan perlu dilakukan untuk membuat keputusan. Untuk membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu dasar bukanlah mudah dan boleh dilakukan dengan begitu sahaja. Hal ini melibatkan perolehan maklumat, kajian dan perbincangan, serta adanya pelbagai pendapat yang berbeza sebelum presiden membuat keputusan. Beliau perlu mendengar pelbagai hujah daripada penasihatnya walaupun pada akhirnya, beliau lah yang akan membuat keputusan.

Begini pun dalam kalangan orang biasa, mereka tidak mempedulikan proses tersebut kerana apa-apa yang dikehendaki merupakan penyelesaian dan keputusan dibuat mengikut gerak hati mereka. Maka akan timbul persoalan: mengapakah ahli politik tidak berbuat sesuatu? Trump mewakili orang biasa. Maka timbul persoalan: apakah yang perlu dilakukan dan adakah pengikutnya melihat kewajaran Trump? Apabila terdapat fakta dan perbincangan yang mendalam, maka dapat dilihat betapa sesuatu perkara tidak dapat diselesaikan dengan mudahnya.

Umpamanya, bagi menghalang rakyat AS daripada kehilangan pekerjaan, maka pendatang asing mesti disekat. Hal ini tidak dapat dilakukan melalui undang-undang, maka dicadangkan agar dibina tembok di antara AS dengan Mexico. Ada pihak yang menyatakan cadangan tersebut wajar walaupun tidak praktikal kerana memerlukan kos yang tinggi dan Trump mencadangkan agar Kerajaan Mexico membinanya.

Memang ada kewajarannya berhubung dengan cadangan tersebut, namun persoalannya sama ada Mexico mahu membelanjakan wang yang besar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi AS ataupun tidak. Pendatang haram dari Mexico ialah masalah AS dan tidak bagi negara asal mereka. Yang lebih penting ialah prinsip kebebasan yang dianjurkan oleh AS, dan hal itu merupakan nilai yang dikenakan oleh negara tersebut. Sebagai negara demokrasi, tidak wajar untuk menyekat sesiapa pun yang mencari perlindungan, menuntut ilmu atau mencari rezeki. Maka membina tembok yang dicadangkan sudah tentulah tidak mencerminkan aspirasi AS sendiri.

Namun begitu, kebanyakan orang biasa tidak faham tentang kepentingan nilai politik yang dimaksudkan. Yang difahami mereka ialah orang luar dari AS yang masuk ke negara itu merampas peluang pekerjaan atau rakyat AS. Begitu juga tentang kemungkinan besar bahawa orang asing yang masuk ke AS melakukan serangan atau keganasan, maka membina tembok untuk menghalang mereka masuk ke AS merupakan sesuatu yang masuk akal meskipun pada dasarnya hal tersebut akan membenihkan kebencian terhadap orang asing.

Dari aspek yang lain, Trump menolak bahawa bumi diancam oleh perubahan iklim. Sebarang dasar untuk



Ramalan kemenangan Clinton ternyata meleset.

melindungi alam sekitar juga ditolak. Penolakannya terhadap pemikiran sains dan alam sekitar bukanlah unik kerana banyak dipegang oleh pemimpin Parti Republikan. Pejuang alam sekitar dan pemikiran rasional sains umumnya berada pada pihak Parti Demokratik. Bagi golongan konservatif atau antiliberal dalam kalangan Parti Republikan, soal pemeliharaan alam sekitar, termasuk isu perubahan iklim dan pemanasan global, perkara yang berkaitan dengan ideologi golongan liberal yang mahu menghalang perniagaan dan kapitalisme yang merupakan pegangan pihak konservatif dan Parti Republikan.

Dalam sistem demokrasi AS, presiden tidak mempunyai kuasa besar atau memiliki laluan mudah bagi melaksanakan segala dasar yang dikehendakinya. Kuasa eksekutif presiden dibendung atau diimbangi pihak legislatif. Maknanya, Kongres dan Dewan Perwakilan yang merupakan cabang legislatif mengimbangi kuasa presiden. Anggota kehakiman pula dilantik oleh presiden dengan persetujuan Kongres. Begitu pun dalam pilihan raya pada kali ini, Kongres tetap dikuasai Parti Republikan. Kemenangan bukan sahaja kepada Trump, tetapi juga kepada anggota Parti Republikan di Kongres, iaitu di Dewan Senat dan Dewan Perwakilan. Hal ini memberi mereka kuasa untuk menentukan anggota kehakiman. Maknanya, Parti Republikan menguasai semua kuasa di AS dan tidak diimbangi dengan sewajarnya oleh Parti Demokratik. Cumanya di AS, ahli Kongres mempunyai kebebasan untuk menyokong apa-apa juga usul tanpa terikat dengan disiplin parti masing-masing.

Parti Republikan bebas untuk melaksanakan dasar konservatifnya dalam pentadbiran AS kerana Trump juga dalam kalangan mereka. Disebabkan Trump dianggap ekstrem dalam kalangan golongan konservatif sehingga dilabel sebagai fasis, maka kini tanggungjawab untuk mengawal Trump terletak pada Parti Republikan melalui Kongres. Namun begitu, apa-apa yang dilakukan oleh Trump semasa kempen dan menjelang pengundian, hubungannya dengan pemimpin parti tersebut tidak baik. Banyak

pemimpin Parti Republikan, termasuk mantan presiden George W. Bush, menolak Trump.

Sepanjang tempoh Trump berkempen, beliau mewujudkan rasa tidak senang terhadap banyak negara. Hanya dengan Rusia, beliau dilihat mesra dan menganggap bahawa Presiden Vladimir Putin sebagai pemimpin yang tegas dan kuat serta wajar dicontohi. Putin dilihat sebagai pemimpin yang menjadikan Rusia hebat. Slogan kempen Trump – Menjadikan Amerika Hebat Semula – jelas menunjukkan bahawa Trump benar-benar dominan untuk menjadi kuasa besar utama dunia dan mahu berbaik-baik dengan Rusia.

Putin pula antara pemimpin awal yang mengucapkan tahniah kepada Trump dengan menyatakan harapan untuk memulihkan hubungan sepenuhnya dengan AS selepas keadaan tidak begitu baik sepanjang pentadbiran Obama, khususnya berhubung dengan Ukraine dan Syria. Negara paling penting bagi Trump ialah Israel. Semasa kempenya, Trump menunjukkan hubungan yang lebih baik dengan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, melebihi apa-apa yang dilakukan oleh Obama sebelum ini.

Pada hari pertama pengumuman kemenangannya, Israel bukan sahaja mengucapkan tahniah kepadanya, tetapi menyatakan bahawa impian untuk mewujudkan negara Palestin yang selama ini diperjuangkan oleh Presiden AS dianggap telah berakhir. Mereka mengharapkan Trump akan memindahkan kedutaan AS dari Tel Aviv ke Baitulmuqaddis untuk menunjukkan pengiktirafannya kepada penguasaan kota suci itu sebagai milik Israel.

Keadaan ini menimbulkan kemarahan dalam kalangan dunia Islam serta dapat menggalkan perkembangan kumpulan penganas. Sikap Trump yang anti-Islam amat jelas sepanjang kempenya berlangsung. Hasratnya untuk menghalang orang Islam daripada memasuki AS diketahui umum di seluruh dunia Islam. Kejayaan yang dicapai oleh Obama dalam konteks mengadakan hubungan baik antara AS dengan Iran akan dirungkai oleh Trump. Wujud kebimbangan dunia terhadap dasar Trump. Beliau tidak akan hanya memusuhi Iran, tetapi juga negara Islam, seperti Turki dan Arab Saudi.

Sekiranya mengambil kira retorik kempen Trump, beliau berjanji akan mengebom sasaran al-Qaeda dan ISIS tanpa mempedulikan orang awam. Beliau yang mempunyai kuasa untuk meletupkan bom nuklear turut membimbangkan banyak orang. Namun begitu, ada pihak yang beranggapan bahawa kempenya jelas membuktikan Trump tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran untuk menghadapi isu kritikal tersebut. Di sinilah peranan besar yang perlu dimainkan oleh setiausaha negara yang baharu dan pemimpin Parti Republikan yang lain.

Negara Islam yang mempunyai hubungan yang rapat dengan AS di bawah Trump ialah Mesir. Presiden Abdel Fattah al-Sisi ialah pemimpin negara Islam yang paling

**Disebabkan Trump dianggap ekstrem dalam kalangan golongan konservatif sehingga dilabel sebagai fasis, maka kini tanggungjawab untuk mengawal Trump terletak pada Parti Republikan melalui Kongres.**

awal mengucapkan tahniah kepada Trump. Di bawah pentadbiran al-Sisi, Mesir menjadi sekutu kuat Israel yang membentuk tiga segi, iaitu AS, Israel dan Mesir, yang akan mencorakkan politik Timur Tengah pada masa akan datang.

Negara Islam terpaksa menyesuaikan diri dengan Trump walaupun retoriknya menimbulkan kemarahan orang Islam di seluruh dunia. Hubungan AS dengan Arab Saudi merupakan sesuatu yang kritikal lebih-lebih lagi kuasa besar itu juga terlibat dengan peperangan di Syria dan Yaman. Begitu pun hubungan antara AS dengan negara Islam lain yang tidak kritikal tidak akan bergantung pada Trump, tetapi terletak pada pejabat setiausaha negara.

Pertimbangan pejabat setiausaha negara sudah tentu kepada kepentingan AS dari segi ekonomi, maka begitu juga terhadap Malaysia. Walaupun Malaysia dan Indonesia negara Islam, perkiraan AS ialah kedudukan geografi negara ini dalam rantau Asia Tenggara. Yang berlaku di Asia Tenggara pula berkaitan dengan kedudukan China. Pada akhirnya, ekonomi dunia bergantung pada hubungan AS dengan China. Timur Tengah sememangnya mengambil tempat penting dalam ekonomi dunia kerana soal minyak, namun produktiviti, pelaburan dan konsumerisme yang merupakan kunci kemakmuran dunia terletak pada China.

Pada awal siri kempenya, Trump menggambarkan bahawa China merupakan punca kelemahan industri AS yang menyebabkan negara tersebut berhadapan dengan krisis pekerjaan. Beliau bukan sahaja menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan pemimpin China, tetapi juga di Jepun dan Korea Selatan yang menurut pandangan Trump menyumbang kepada kemerosotan ekonomi AS.

Hal ini boleh mengakibatkan Jepun menjauhkan diri daripada AS dan bebas membuat perhitungan pertahanannya sendiri. Hal tersebut tidak akan disenangi China dan Korea Selatan. Isu Korea Utara dan Laut China Selatan akan menguji cara Trump mahu menjadikan AS hebat semula. Realiti sekarang ialah sama ada akan berterusan ataupun akan ada perubahan yang berlaku di rantau ini dengan dasar hegemoni yang tidak bertempat di bawah era Trump.

Mengikut retorik Trump, apa-apa yang diusahakan oleh Obama untuk memperbaiki ekonomi AS melalui

Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) akan terjejas. Mungkin beliau akan membatalkan TPPA dan dapat dilihat cara beliau akan menghadapi penasihah ekonomi AS tentang perkara ini. Dunia tidaklah mudah atau ringkas seperti yang dilihat oleh Trump. Beliau berjaya sebagai ahli perniagaan walaupun bermula dengan harta yang diwariskan

kepadanya. Beliau juga berpendidikan dan berkemampuan melanjutkan pendidikan di institusi pendidikan yang hebat di AS, selain hebat sebagai motivator dan selebriti.

Ada petanda awal bahawa Trump tidak akan melaksanakan janji pilihan rayanya yang membimbangkan banyak orang di seluruh dunia. Ada juga cakap-cakap yang menyatakan bahawa setelah diumumkan menang, kenyataan bahawa beliau akan menutup sempadan kepada orang Islam telah dipadamkan. Namun begitu, hal tersebut belum dapat dipastikan. Sikap beliau yang memusuhi Islam serta memberikan platform kepada agenda Kristian Evangelikal mengandaikan bahawa beliau bukan sahaja tokoh yang memecahbelahkan AS, tetapi dunia. Pergerakan Kristian Evangelikal dipercayai berjaya menarik penyokongnya untuk mengundi Trump. Kehadiran mereka di beberapa buah negeri tertentu membolehkan Trump meraih undi yang membawa kemenangan kepadanya.

Trump lahir daripada sistem demokrasi yang memberikan ruang dan peluang untuk muncul dan berkuasa dalam sistem demokrasi. Penguasaannya terhadap AS tidaklah mutlak dan jangka waktunya juga terhad. Selepas empat tahun rakyat, AS boleh menilai semula apa-apa yang dilakukan oleh beliau, dan mengundi sama ada kepimpinannya perlu diteruskan ataupun tidak.

Kemenangan Trump dan kekalahan Clinton menunjukkan sistem demokrasi AS. Demokrasi tidak menjamin kepimpinan yang baik, tetapi merupakan sistem untuk rakyat memilih pemimpin mereka sendiri. Jika Trump yang menang, maka kemenangan tersebut cerminan apa-apa yang dikehendaki oleh rakyat AS. Sepanjang kepimpinan Trump, beliau akan berhadapan dengan banyak teguran dan halangan, baik melalui Kongres mahupun daripada media yang umumnya menolak Trump. Orang ramai juga akan terus bersuara melalui media sosial. Perlembagaan AS serta undang-undang negara itu mempunyai banyak laluan bagi mempersoalkan tindak tanduk presiden. Terdapat juga ruang yang membolehkan seorang presiden dipecat. Setiap langkah yang dilakukan oleh beliau dan kata-kata yang diucapkannya pasti menjadi perhatian rakyat AS dan dunia.

Pada tahun 2020, dunia akan membuat kesimpulan berhubung pemerintahan Trump.